



12 NOV, 2024

Enggan ‘Raja Sungai’ pupus!

Harian Metro, Malaysia



Gerik

Ikan kelah liar memang didambakan kaki pancing kerana dikatakan paling sukar ditangkap, sementara keenakan rasa dan harganya yang mahal menyebabkan ‘Raja Sungai’ ini menjadi buruan ramai.

Selepas berdekad diburu dan ditangkap secara berleluasa, ikan kelah atau nama saintifiknya *Tor tambroides*, kini di ambang kepupusan lalu mendorong pihak berkuasa meletakkan hidupan air tawar ini di bawah perlindungan undang-undang.

Selain itu, usaha memelihara dan memulihara ikan kelah juga dilakukan menerusi beberapa projek santuari, antaranya Santuari Kelah Akekchep Sungai Tiang, di sini, yang dioperasikan oleh Orang Asli suku Jahai.

Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Perak dan Kedah Hairulnizam Abd Rahman berkata, lokasi ikan kelah di Sungai Tiang itu ditemukan hasil penyelidikan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan kerjasama penduduk setempat pada 2016.

“TNB melihat kawasan ini berpotensi menjadi pusat pemuliharaan ikan kelah kerana dikawal oleh penduduk dan selamat daripada pencerobahan.

“Pada 2020, TNB menyerahkan tapak ini kepada kami dan kami serahkan kepada Orang Asli di Kampung Orang Asli Sungai Tiang untuk uruskan melalui Koperasi Orang Asli Sungai Tiang (KOAST) yang ditubuhkan pada tahun sama,” katanya.

Terletak jauh di pedalaman, mereka yang berhajat ke santuari ini perlu menempuh perjalan



HADI menunjukkan ikan tengas di Santuari Kelah Akekchep Sungai Tiang.



PETUGAS KOAST yang mengusahakan Santuari Kelah Akekchep Sungai Tiang membawa pengunjung merasai pengalaman menyusuri Tasik Banding dan menikmati keindahan alam semula jadi di Taman Negeri Royal Belum.



IKAN tengas yang menjadi tarikan pengunjung di Santuari Kelah Akekchep Sungai Tiang.

Enggan ‘Raja Sungai’ pupus!

Santuari Kelah Akekchep Sungai Tiang terpilih jadi pusat pemuliharaan ikan kelah, tengas

nan menaiki bot sekurang-kurangnya satu jam 45 minit dari jeti awam Banding ke Sungai Tiang, bergantungan pada paras air Tasik Banding. Lebih cetek paras air, lebih lama masa diambil.

Bersedia menyahut cabaran itu, penulis menyertai Jakoa Perak dan Kedah ketika beberapa berkenaan namun tidak menyangka perjalanan menaiki bot hanyalah permulaan bagi satu kembara yang agak jerih.

Masakan tidak, selepas tiba di jeti Sungai Tiang, kami perlu menaiki bot galah, menyusuri sungai itu yang mengambil masa kira-kira sejam sebe-

lum sampai di Akekchep, sekali gus menjawab pertanyaan penulis mengapa santuari ini kurang dikunjungi sekalipun dibuka kepada orang awam sepanjang tahun.

Menurut Hairulnizam, pusat pemuliharaan itu hanya menerima sekitar 200 pengunjung setahun dan Jakoa sedang merangka beberapa langkah bagi meningkatkan jumlah pelawat dan seterusnya melonjakkan pendapatan Orang Asli di situ.

Untuk ke kem Akekchep, kami perlu menapak kira-kira 15 minit, meredah denai. Penat memang terasa namun keindahan alam semula

jadi dengan air sungai yang jernih dan keredupan suasana rimba, memberikan ketenangan yang jarang-jarang dikecapi di hutan konkrit.

Akekchep sebenarnya istilah bahasa Jahai, iaitu ‘akek’ bermaksud janggan, sementara ‘chep’ pula bermakna tangkap. Justeru, istilah akekchep bererti ‘jangan tangkap’.

Kampung Orang Asli Sungai Tiang didiami 118 keluarga, merangkumi 454 penduduk dengan kegiatan utama menangkap ikan dan mencari hasil hutan.

“Santuari ini adalah antara usaha memulihara ikan asal di Sungai

Tiang ini namun ikan kelah dan tengas dijadikan spesies utama pemuliharaan,” katanya.

Sementara itu, Tok Batin kampung berkenaan Hadi Mes berkata, memberi ikan makan adalah antara aktiviti utama yang dapat dilakukan oleh pengunjung.

“Untuk bermain dengan ikan-ikan ini pengunjung boleh naik ke atas platform yang kami bina daripada buluh dan kayu kecil. Dulu, kita main di tepi (tebing) sahaja, tetapi ramai yang tergelincir, jadi berbahaya,” katanya.

Bagaimanapun kata Hadi, buat masa ini hanya ikan tengas menun-

jukkan sifat jinak kepada manusia, sementara kelah pula lebih ‘malu-malu’.

Berkongsi lanjut, Hadi berkata, tempoh terbaik untuk pengunjung datang melihat kelah adalah pada musim tengkujuh atau dari September hingga Disember.

“Ketika itu musim mengawan (ikan kelah). Penuh satu sungai (ikan kelah), dari hulu ke sini.

“Di luar masa (mengawan), memang ada ikan, cuma kita tak nampak. Kalau hujan air akan keruh, tetapi kalau air betul-betul jernih, kita akan nampak pasir di dasar sungai,” katanya. - Bernama

